

Hudud: Hadi sedia jumpa Shahrizat

BH 31 MAY 2002

Oleh Veena Rusli

KOTA BHARU, Khamis – Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, sedia menemui mana-mana pihak termasuk Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, bagi membincang kandungan draf Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu.

Beliau berkata, ini kerana pelbagai kritikan yang dibuat terhadap draf itu lebih bersifat sebagai tuduhan yang tidak menemui sasaran kerana mereka yang memberi pandangan tidak menghadiri seminar berhubung rang undang-undang berkenaan.

"Apa yang berlaku dalam seminar itu hanya perbincangan perkara teknikal dan kita memberi peluang hadirin mengemukakan pendapat.

"Bagaimanapun, saya melihat pendapat yang disiarkan dalam media menandakan mereka yang menimbulkan isu itu tidak hadir pada mesyuarat (seminar) itu dan ia cuma tuduhan dari jauh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Muktamar Dewan Pemuda Pas ke-43 di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, dekat

sini, hari ini. Hadir sama Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar.

Abdul Hadi berkata demikian sebagai mengulas bantahan terhadap Seksyen 9 Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu yang disifatkan menzalimi wanita mangsa rogol.

Kelmarin, Shahrizat, pertubuhan wanita termasuk Dewan Muslimat Pas mendesak Kerajaan Pas Terengganu menggugurkan Seksyen 9 itu yang disifatkan sebagai 'satu lesen dan permit terbesar untuk wanita dirogol di Terengganu'.

Mengikuti seksyen itu, seseorang yang mengadu dirogol dengan tiada bukti yang nyata atau tiada sebarang qarinah (bukti) boleh disabitkan kesalahan qazaf (membuat fitnah zina) dan dihukum dengan 80 kali sebatan.

Rang undang-undang itu dijangka dibentang pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, awal Julai ini.

Mengulas kenyataan Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, supaya Kerajaan Terengganu mendapatkan nasihat dan pandangan ilmunya supaya tidak bertentangan dengan hukum sebenar, Abdul Hadi mendakwa pihaknya menjemput semua pihak termasuk mufti serta

kalangan cendekiawan menghadiri seminar terabit.

"Bagaimanapun, mereka membuat keputusan untuk tidak menghadirinya dan tidak menghantar wakil," katanya sambil mengesahkan ada menemui jawatankuasa fatwa yang diketuai Datuk Seri Harussani Zakaria, beberapa hari lalu.

Ditanya sama ada kerajaan Pas Terengganu akan meneruskan rancangan membentangkan rang undang-undang itu walaupun mendapat pelbagai bantahan, Abdul Hadi berkata undang-undang yang ingin dilaksanakan tidak semestinya mendapat sokongan penuh rakyat.

"Kita tidak perlu mendapat persetujuan daripada perompak untuk melaksanakan hukuman ke atas perompak," katanya sambil mendakwa kegagalan media memberi ruang bagi Kerajaan Pas Terengganu menjelaskan draf itu sebagai punca ia kurang difahami semua pihak.

Mengenai kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan sebelum Terengganu boleh melaksanakan undang-undang itu, beliau berkata pihaknya mengambil sikap positif terhadap kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Malaysia adalah negara Islam dan sedia berbincang mengennainya.